

# Forum Perdana dedahkan isu ekonomi dan kewangan Islam

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim  
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 22 Mac. - Lebih 200 peserta menyertai Forum Perdana bertemakan 'Pemerkaan Ekonomi dan Kewangan Islam Menjamin Keutuhan Ummah'

yang dianjurkan buat kali kedua oleh Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam (FEKIm).

Para ahli panel yang menjayakan



PENGARAH Urusan Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD), Awang Yusof bin Haji Abd. Rahman (tiga, kiri) ketika hadir selaku tetamu kehormat pada majlis Forum Perdana Ekonomi Kewangan Islam 2017 dan Penandatangan Memorandum Persefahaman (MoU) di antara Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam (FEKIm) UNISSA dengan Centre for Islamic Banking, Finance and Management (CIBFM) Brunei Darussalam berlangsung Dewan Auditorium UNISSA.



PENGARAH Urusan Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD), Awang Yusof bin Haji Abd. Rahman (berdiri, dua dari kanan) bersama Rektor UNISSA, Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal (berdiri, dua dari kiri) ketika menyaksikan Penandatangan Memorandum Persefahaman (MoU) di antara Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam (FEKIm) UNISSA dengan Centre for Islamic Banking, Finance and Management (CIBFM) Brunei Darussalam berlangsung Dewan Auditorium UNISSA.

forum terdiri daripada Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), Centre For Islamic Banking, Finance and Management (CIBFM), Dr. Emir Hrnjic'; Pengarah Urusan BIBD, Mubashar Khokhar; Profesor FEKIm, UNISSA, Profesor Dr. Abdul Ghafar bin Ismail dan Pensyarah Kanan FEKIm, UNISSA, Dr. Dayang Hajah Rose binti Abdullah sebagai moderator.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis yang berlangsung di Dewan Auditorium UNISSA itu ialah Pengarah Urusan, Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD), Awang Yusof bin Haji Abd. Rahman.

Turut hadir, Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal, pegawai-pegawai dari AMBD dan Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), pegawai-pegawai utama dan pensyarah UNISSA.

Forum bertujuan untuk menambah ilmu pengetahuan dan pemahaman secara ilmiah kepada semua peserta dan masyarakat umum mengenai isu-isu semasa yang berkaitan dengan ekonomi dan kewangan Islam.

Majlis ilmu ini sangat sesuai diadakan kerana ia selari dengan fungsi FEKIm, yang mana UNISSA sendiri, antara lain memberikan bimbingan dan khidmat nasihat kepada masyarakat dalam bidang berkaitan.

Menerusi forum tersebut, para peserta didekah dengan maklumat yang betul tentang isu-isu terkini mengenai perkembangan ekonomi dan kewangan Islam dari sumber yang boleh dipercaya.

Sejurus forum tersebut, satu Majlis Penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) di antara UNISSA dan CIBFM juga diadakan.

Menandatangani bagi pihak UNISSA, Dekan FEKIm, Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani, sementara CIBFM diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif CIBFM dan telah disaksikan oleh tetamu kehormat majlis.

Terdahulu, Dekan FEKIm, UNISSA, Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani dalam ucapannya berkata, penandatanganan MoU itu merupakan inisiatif kedua belah pihak untuk mengukuhkan lagi hubungan silaturahim di antara FEKIm dan CIBFM yang telah sekian lama terjalin.

Menerusi MoU ini katanya, akan dapat meningkatkan lagi prestasi kerjasama di antara kedua pihak dalam pelbagai bidang yang berkaitan dengan perbankan dan kewangan Islam sama ada bidang penyelidikan, penerbitan, akademik, bukan-akademik dan apa juar aktiviti yang dirasakan sesuai untuk diungkayahkan secara bersama dengan persetujuan pada masa akan datang.

## Seminar Antarabangsa Fiqh al-Usrah bermula 29 Mac 2017

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 22 Mac. - Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) melalui Pusat Kajian Fiqh al-Usrah buat jultung kalinya akan mengadakan Seminar Antarabangsa Fiqh al-Usrah 2017 yang akan berlangsung selama dua hari, iaitu 29 dan 30 Mac 2017.

Seminar yang akan diadakan di KUPU SB itu membawa tema 'Pendidikan Kekeluargaan Menjana Generasi Berwawasan', bertujuan untuk memperkasa pendidikan kekeluargaan dalam kalangan umat Islam masa kini dan mengenal pasti isu-isu dan cabaran dalam kehidupan berkeluarga selain mencapai penyelesaian jangka pendek dan jangka panjang pada masalah sosial yang dihadapi oleh masyarakat dewasa ini ke arah kehidupan berkeluarga yang penuh harmoni.

Sebanyak tiga kertas utama dan kira-kira 49 kertas kerja selari akan disampaikan oleh ahli-ahli akademik dari dalam dan luar negara seperti Malaysia, Republik Indonesia dan Maldives dan akan merangkumi tiga bahasa pengantar, iaitu bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan bahasa Arab.

Kertas utama akan disampaikan oleh Pemangku Ra'es, KUPU SB, Dr. Haji Adanan bin Haji Basar membawa tajuk 'Bi'ah Keluarga Sakinah Asas Pembangunan Masyarakat', manakala Profesor Madya, Jabatan Psikologi Pendidikan dan Kaunseling, Kulliyah Pendidikan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Prof. Madya Dr. Mastura binti Badzis akan menyampaikan tajuk 'Mendepani Cabaran Membina Generasi Berwawasan' dan Profesor Madya, Jabatan Siasah Syar'iyyah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Prof. Madya Dr. Sharifah Hayaati binti Syed Ismail pula akan

membentangkan tajuk 'Mengurus Keluarga dan Kerjaya dalam Organisasi : Analisis Menerusi Pendekatan Al-Tadayyun, Al-Maqasidi dan Al-Wasitiyyah'.

Perkara ini dinyatakan oleh Pengarah, Pusat Kajian Fiqh al-Usrah KUPU SB, Ustazah Hajah Aisyah Radhiah binti Haji Gani selaku Pengerusi Seminar berkenaan semasa Sidang Media yang berlangsung di KUPU SB, di sini.

Sehubungan itu, penyertaan sebagai peserta seminar masih lagi dibuka dan dialu-alukan dan sasaran peserta ialah para ahli akademik, penyelidik, pegawai dan kakitangan kerajaan, pihak swasta, pelajar pasca dan pra-siswazah dan individu yang berminat.

Manakala yuran-yuran penyertaan bagi para peserta ialah BND30 bagi wakil jabatan kerajaan / swasta dalam negara, BND20 bagi persendirian dalam negara, BND10 bagi pelajar dalam negara, USD50 bagi persendirian luar negara dan USD20 bagi pelajar luar negara.

Tarikh akhir pendaftaran adalah pada 25 Mac 2017 dan borang pendaftaran boleh diperoleh di Pusat Kajian Fiqh al-Usrah, KUPU SB.

Sementara itu, dalam sama-sama menyemarakkan dan memeriahkan lagi Seminar Antarabangsa ini, pihak pengajur juga mengambil inisiatif untuk mengungkayahkan satu Nadwah Fiqh al-Usrah yang akan mengambil tempat pada Rabu (malam Khamis) 29 Mac 2017 Masih, jam 8.00 malam, di Dewan Tarbiyah, KUPU SB.

Tajuk yang akan dibincangkan ialah 'Isu dan Cabaran Pendidikan Keluarga Era IT', di mana nadwah ini terbuka kepada orang ramai dan penyertaan adalah percuma.

Sebarang maklumat lanjut, orang ramai boleh berhubung terus kepada



SIDANG Media disampaikan oleh Pengarah, Pusat Kajian Fiqh al-Usrah KUPU SB, Ustazah Hajah Aisyah Radhiah binti Haji Gani.

Setiausaha Seminar Antarabangsa Fiqh al-Usrah 2017, Awang Mohammad Muslihuddin Syah bin Haji Mustafa di talian +673 8628 213 atau e-mel terus ke usrah\_kupusb@hotmail.com.

Seminar ini diharap akan dapat memberikan penjelasan kepada masyarakat mengenai pendidikan kekeluargaan termasuk cabaran-cabaran dalam menjalani hidup berkeluarga yang semakin mencengkam dewasa ini.

Selain itu, ia sebagai platform bagi penyebaran ilmu dan perkongsian maklumat serta pengalaman yang berkaitan dengan isu-isu kekeluargaan di Negara Brunei Darussalam sekaligus menjadi wadah dalam menanai objektif Pusat Kajian Fiqh al-Usrah untuk menjadi pusat kajian dan penyelidikan ilmiah berhubung dengan Fiqh al-Usrah di peringkat kebangsaan dan antarabangsa bagi keperluan ugama masyarakat dan negara.

## Membeli sambil beramal 'Satu Baju Satu Senyuman'

Siaran Akhbar : Battle Pro Marketing and Management Services

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 22 Mac. - Orang ramai dialu-alukan untuk hadir bersama keluarga ke BAZAR AMAL 2K17 'Satu Baju Satu Senyuman' yang akan diadakan pada 27 hingga 31 Mac 2017, bertempat di Dewan Muhibbah, Jabatan Daerah Brunei dan Muara mulai jam 8.00 pagi hingga 7.00 malam.

Bazar amal yang dianjurkan oleh Jabatan Daerah Brunei dan Muara (JDBM) dengan kerjasama Battle Pro Marketing and Management Services bertujuan untuk mengumpul dana bagi Tabung Amal JDBM dan bagi membantu mangsa-mangsa bencana yang tidak terduga.

Bazar tersebut akan mengetengahkan para usahawan belia dan tempatan sebagai platform bagi mereka untuk memasarkan produk-produk dan jenama masing-masing kepada orang awam. Antara produk-produk yang akan dijual termasuk makanan, pakaian fesyen terkini, produk kecantikan, barang keperluan harian dan lain-lain lagi.

Di samping itu, bazar amal ini juga mempunyai keunikannya sendiri di mana orang ramai berpeluang

membuat amal kebajikan melalui acara khas 'Satu Baju Satu Senyuman' dengan membeli kain dan menempah pakaian dari syarikat jahitan yang terdapat di bazar berkenaan. Setiap tempahan yang dibuat akan disumbangkan kepada anak-anak yatim.

Melalui projek berkenaan, 579 pasang baju telah berjaya diperoleh dan disedekahkan kepada anak-anak yatim melalui acara bazar amal yang diadakan tahun lepas.

Bersempena dengan cuti penggal persekolahan, beberapa aktiviti akan dilaksanakan sepanjang bazar berkenaan antaranya Peraduan Mewarna, Peraduan Tulisan Jawi dan Inggeris dan Peraduan Matematik.

Selain itu, sebanyak 10 buah syarikat menawarkan peluang pekerjaan bagi mereka yang sedang mencari pekerjaan atau ingin bekerja secara sambilan. Para pengunjung juga akan berpeluang untuk menderma darah di hari kedua bazar.

Setiap pengunjung yang hadir juga berpeluang untuk mengikuti cabutan bertuah secara percuma dan memenangi hadiah berupa emas 24k.